


▶ 2,000

spesies kayu berharga
di negara ini



B/H 6/1/13

RE
THINK

Kekal bernilai

Oleh Bennie Zie Fauzi
bennie@bharian.com.my

Kayu masih menjadi bahan binaan utama walaupun dalam seni bina era kontemporari hari ini sudah mula beralih kepada penggunaan keluli, cermin dan konkrit atau kombinasi ketiga-tiganya itu.

Begitupun, dalam keghairahan mendapatkan sumber asli, jangan sampai dikelirukan dengan fakta yang nyata kebanyakannya jauh daripada kebenaran.

Menyedari salah tanggapan mungkin berlaku, Malaysian Timber Council (MTC) mengambil inisiatif menerbitkan buku *Re Think - A New Paradigm for Malaysia Timber* yang antara matlamat utamanya, menyediakan perspektif dan persepsi tepat keperluan serta penggunaan spesies kayu tempatan dalam seni bina global.

Diterbitkan rangkaian kedai dan pengeluar buku popular, MPH, pengarang bersamanya merangkap Pengarah Kanan Komunikasi & Pelaburan MTC, Suria Zainal berkata, buku ini sesuai dijadikan rujukan dan inspirasi

golongan profesional seperti arkitek, pereka dalaman selain pencinta kayu bagi mengelakkan ditipu pihak tidak bertanggungjawab.

Hargai khazanah

“Saya fikir sampai masanya masyarakat tempatan menghargai khazanah kayu-kayan kita sebagaimana orang luar yang lebih mengerti akan manfaatnya.

“Jadi, tidaklah balik-balik hanya nyatoh, cengal, merbau dan balau dianggap berkualiti walhal hutan kita memiliki beribu spesies bermutu.

“Selain itu, pengetahuan mendalam terhadap kayu ber-

upaya mengurangkan kebergantungan kepada kontraktor yang ada kalanya tidak jujur dalam menyebarkan maklumat. Ia menebus kesilapan penggunaan kayu bermutu rendah namun digembar-gemburkan bernilai eksklusif oleh kontraktor,” katanya.

Daripada jumlah berkeajaan, 100 disenaraikan bernilai komersial dan cengal, balau, merbau dan meranti termasuk dalam kategori ini.

Semua spesies pokok itu mempunyai syarat penebangan dan pengambilan ketat selain kuantiti turut dihadkan. Sesetengah spesies, seperti pokok mengkulang,

100

spesies kayu yang bernilai komersial



25 TAHUN

usia pokok getah sesuai ditebang



Lambat hangus

Dalam pada cuba mengangkat martabat kayu negara, Suria turut meluahkan kekesalan kerana masih ramai memandangkan rendah keupayaan kayu sebagai sebahagian elemen penting pembentukan rumah kediaman serta bangunan pencakar langit.

“Kayu paling layak dijadikan material sokongan pembinaan bangunan meskipun ringan dan tidak semampat konkrit. Bukan sedikit salah faham mengenai kredibilitinya dalam memperlahankan musibah kebakaran.

“Sifat kayu yang lambat hangus membantu dari segi memberi amaran kebakaran kepada penghuni rumah sekali gus mewujudkan peluang menyelamatkan diri.

“Ini berbeza dengan konkrit yang akan runtuh tiba-tiba tanpa amaran api sedang marak,” katanya.

Di sesetengah negara, mereka membina balai bomba daripada kayu. Di Belanda, kebanyakan stesen minyaknya menjadikan kayu sebagai bahan utama.

berusia ratusan tahun selain tidak terjejas oleh gempa bumi.

Bukan sekadar tempelan

Kelebihan kayu memang tidak terbilang dan bagi yang bijak menilai, sedia maklum mengenai ciri serta karakter kayu diperlukan bagi sesebuah pembinaan.

Oleh itu, Suria menjelaskan MTC sentiasa mencari jalan menyelitkan elemen kayu bukan sekadar tempelan bahkan tunjang utama seni bina.

“Seni bina yang baik sepatutnya menonjolkan gabungan logam, konkrit dan kayu namun kalau boleh, unsur kayu dilebihkan. Ia bukan sekadar tahan lasak dan mampu berhadapan ancaman cuaca bahkan sedia memukau dengan struktur semula jadinya yang indah dan unik itu. Jujur saya katakan, ia sudah menawarkan estetika menerusi rekaan serta kontur aslinya itu,” katanya.

Bagi negara beriklim tropika dan khatulistiwa, kayu memberi imej yang baik.



KAYU PALING LAYAK DIJADIKAN MATERIAL SOKONGAN PEMBINAAN BANGUNAN MESKIPUN RINGAN DAN TIDAK SEMAM-

» Kayu tetap relevan dalam sektor pembinaan era moden

meskipun mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa namun tidak berupaya memenuhi permintaan untuk eksport.

Kayu cengal juga tidak dibenarkan dibawa keluar dari negara ini.

Lebih lama, lagi bermutu

Menyentuh kayu paling sesuai dijadikan perabot, lantai dan kemasan, Suria mengesyorkan jenis ringan namun untuk tahan lama, pastikan ia terlebih dulu dirawat sebelum dilengkapi lapisan pelindung ultraviolet (UV).

“Berlainan sekali negara empat musim yang membo-

lehkan kayu seumpamanya dimanfaatkan untuk kegunaan luar misalnya membentuk pangkin juga pelantar,” katanya.

Sementara, keperluan mendesak industri perabot turut mengilhamkan penggunaan kayu alternatif dan getah diakui antara yang menonjol.

Namun, kata Suria, jangan ditebang sembarangan sebaliknya patuhi syarat yang menetapkan kayu berkenaan perlu berumur sekurang-kurangnya 25 tahun sebelum dikorbankan untuk dijadikan perabot.

“Bagi mendapatkan kualiti terbaik, pengusaha pem-

balakan bukan saja perlu menunggu sehingga tempoh itu untuk menebangnya bahkan dinasihatkan merawatnya segera.

“Jangan menangguhkan usaha merawatnya sehingga keluar tompok biru kerana ia menandakan kayu berkenaan sudah diserang kulat,” katanya.

Semakin lama usia kayu, kian banyak sel-sel bermautautin di dalamnya lalu menjadikan kayu itu keras dan kayu seumpamanya paling sesuai dijadikan perabot. Kayu berusia matang dan mendapat rawatan diperlukan berupaya bertahan ratusan tahun.

PAT KONKRIT”

Suria Zainal,
Pengarah Kanan
Komunikasi &
Pelaburan MTC

sebagai bahan binaan utama. Jepun pula membuktikan sebahagian besar pagoda dibina menggunakan kayu dan sehingga kini masih bertahan kukuh walaupun sudah

memberi impak sejuk kalcuaca panas manakala d negara empat musim, ia menjadi pilihan kerana berkebolehan menyimpan haba untuk suatu tempoh yang lama.

